

31/07/2002

Laman web Maggi sedia maklumat memasak

SELARI dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara kini, Nestle Products Sdn Bhd (Nestle) menyediakan kemudahan memasak melalui laman web Maggi.

Laman web di www.maggi.com-.my itu adalah laman web pertama di Malaysia yang menyediakan banyak pilihan resipi sajian mudah daripada pelbagai kumpulan etnik di negara ini.

Pengurus Jenama Kumpulan (Unit Perniagaan Groseri) Nestle, Rubiyah Jamil berkata, kewujudan laman web ini diharap mengembalikan keseronokan pengguna memasak di rumah dengan cara mudah.

Di samping itu, katanya, penyediaan resipi melalui kemudahan komputer itu turut menjadi platform Nestle ke arah meningkatkan tahap penggunaan ICT pengguna di negara ini.

"Nestle yakin, melalui laman web unik ini, ia akan menggalakkan ramai pengguna Malaysia, terutama suri rumah, menggunakan komputer melalui melayari laman web Maggi.

"Pengenalan laman web ini juga sebagai komitmen Nestle dalam menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke arah merealisasikan matlamat pembentukan Satu Rumah Satu Komputer," katanya pada majlis pelancaran laman web itu di Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Laman web itu direka bentuk dengan cara paling mudah dan diselarikan untuk keperluan pelbagai peringkat pengguna sama ada suri rumah dan wanita bekerja; orang tua atau muda dan lelaki yang gemar memasak.

Sesuai dengan komitmen Nestle untuk menyediakan `makanan yang baik, kehidupan yang baik', laman ini menggunakan dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Rubiyah berkata, ciri interaktif iaitu maklum balas membolehkan syarikat mengenali bentuk penggunaannya selain memenuhi keperluan mereka secara menyediakan produk dan maklumat yang berkaitan.

"Pengguna boleh memuat turun resipi dalam laman ini untuk dijadikan koleksi peribadi atau dikirimkan kepada kawan melalui e-mel," katanya.